

Dr. Mahathir ditempatkan bersama pesara menteri

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan ditempatkan bersama menteri-menteri yang telah bersara sekiranya beliau hadir pada sidang Dewan Rakyat Isnin ini selepas persaraan sebagai Perdana Menteri, esok.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Dr. Mohamed Zahir Ismail berkata, Dr. Mahathir, Ahli Parlimen Kubang Pasu, akan ditempatkan pada kedudukan yang paling kanan di antara menteri-menteri yang telah bersara berhampiran tempat duduk penyokong kerajaan.

“Barang kali di tempat itulah,” katanya ketika menjawab sama ada kedudukan yang dimaksudkannya adalah berhampiran kerusi bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba.

Beliau berkata, jika Dr. Mahathir yang akan bersara esok,

hadir pada persidangan Dewan Rakyat Isnin ini, beliau akan duduk di tempat baru itu.

Ditanya mengenai perjalanan persidangan hari ini, beliau berkata, hampir semua wakil rakyat hadir.

Ini katanya, mungkin disebabkan ahli-ali Dewan Rakyat ingin memberi penghormatan kepada Dr. Mahathir, selain mendengar rancangan pembangunan yang dibentangkan hari ini.

Menurutnya, meskipun pembentangan hari ini merupakan pembentangan terakhir Dr. Mahathir di Dewan Rakyat, beliau ternyata telah menyampaikan ucapan yang sangat bernas meliputi segala jurusan.

Beliau menambah, jika perkara yang dirancang itu boleh disempurnakan kesemuanya, negara ini akan bertambah maju pada masa depan.